



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**KAJIAN SILANG-BUDAYA: KESAHAN DAN KEBOLEHPERCAYAAN
ALAT UKURAN INVENTORI PENGALAMAN DALAM
PERHUBUNGAN INTIM DAN APLIKASINYA DARIPADA ASPEK
ETNIK DAN GENDER**

LEE KUOK LEE

FPP 2002 12



**KAJIAN SILANG-BUDAYA: KESAHAN DAN KEBOLEHPERCAYAAN ALAT
UKURAN INVENTORI PENGALAMAN DALAM PERHUBUNGAN INTIM
DAN APLIKASINYA DARIPADA ASPEK ETNIK DAN GENDER**

LEE KUOK LEE

**MASTER SAINS
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

2002



**KAJIAN SILANG-BUDAYA: KESAHAN DAN KEBOLEHPERCAYAAN ALAT
UKURAN INVENTORI PENGALAMAN DALAM PERHUBUNGAN INTIM
DAN APLIKASINYA DARIPADA ASPEK ETNIK DAN GENDER**

Oleh

LEE KUOK LEE

**Tesis Ini Dikemukakan Kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia Sebagai Memenuhi Keperluan Untuk Ijazah Master Sains**

April 2002



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia
sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sains

**KAJIAN SILANG-BUDAYA: KESAHAN DAN KEBOLEHPERCAYAAN ALAT
UKURAN INVENTORI PENGALAMAN DALAM PERHUBUNGAN INTIM
DAN APLIKASINYA DARIPADA ASPEK ETNIK DAN GENDER**

Oleh

LEE KUOK LEE

April 2002

Pengerusi : Profesor Madya Dr. Sidek Mohd Noah

Fakulti : Pengajian Pendidikan

Kajian ini dijalankan untuk menentukan kesahan dan kebolehpercayaan Inventori Pengalaman dalam Perhubungan Intim (IPPI) secara silang-budaya dalam konteks Malaysia. Kajian ini juga bertujuan untuk melihat perbezaan antara stail perapatan mengikut etnik dan gender. Subjek kajian terdiri daripada 360 orang pelajar Master dan Ph.D yang sekurang-kurangnya pernah melalui pengalaman romatik dari Fakulti Pengajian Pendidikan di sebuah universiti tempatan yang dipilih secara rawak berlapis. Daripada 360 subjek kajian, seramai 228 adalah pelajar perempuan dan 132 adalah pelajar lelaki. Mereka adalah terdiri daripada 238 pelajar Melayu, 95 pelajar Cina dan 27 pelajar India. Kebolehpercayaan dan kesahan kandungan item-item dan skala dalam IPPI telah diuji melalui analisis item. Kesahan gagasan inventori juga diuji melalui analisis faktor dan analisis faktor pengesahan.

Walaupun dapatan kajian menunjukkan pekali kebolehpercayaan yang tinggi, tetapi analisis item menerangkan kekurangan kesahan kandungan dalam beberapa item. Hasil kajian yang berhubung dengan kesahan gagasan inventori tersebut adalah pelbagai. Analisis faktor yang memaparkan kewujudan dua set item di mana sebahagiannya menyokong struktur faktor dan saranan dua dimensi perapatan seperti yang dicadangkan oleh pengasas inventori. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa item tidak dimuatkan secara menonjol dalam dua dimensi tersebut. Keputusan ini bercanggah dengan teori perhubungan asal di kalangan faktor-faktor dalam inventori

menggunakan warga Malaysia. Kesukaran bahasa juga ditunjukkan dan ia didapati berkaitan dengan beberapa masalah kesahan.

Kajian ini menyumbang secara signifikan kepada kajian silang-budaya perapatan orang dewasa yang merupakan kajian kesahan dan kebolehpercayaan IPPI yang pertama di Malaysia. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa sungguhpun inventori mempunyai kelainan, namun ia boleh digunakan dalam pelbagai budaya. Walaupun keputusan kajian adalah signifikan, namun terdapat limitasi yang berhubung kait dengan sampel yang mewakili populasi dan metodologi yang digunakan dalam kajian ini telah menghalang generalisasi mengenainya. Akhirnya pengujian hipotesis menggunakan ujian-t dan ANOVA Sehal telah digunakan untuk melihat perbezaan stail perapatan mengikut etnik dan gender. Dapatan kajian menunjukkan wujud perbezaan stail perapatan yang signifikan mengikut etnik tetapi tidak wujud perbezaan stail perapatan yang signifikan mengikut gender. Sehubungan dengan keputusan-keputusan kajian yang diperolehi beberapa implikasi dan cadangan telah dikemukakan.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirements for the degree of Master of Science

A CROSS-CULTURAL VALIDATION AND RELIABILITY STUDY OF EXPERIENCES IN CLOSE RELATIONSHIPS INVENTORY AND ITS APPLICATION BASED ON ETHNICITY AND GENDER

By

LEE KUOK LEE

April 2002

Chairman: Associate Professor Sidek Mohd Noah, Ph.D.

Faculty: Educational Studies

The purpose of this study was to determine the validity and reliability of the Experience in Close Relationships Inventory (ECRI) in the Malaysian context using the cross-cultural technique. The study also attempted to find out the difference between attachment styles according to ethnicity and gender.

The subjects of the study were three hundred and fifty two Malaysians were recruited from three ethnicity (Malay, Chinese and Indians). All the respondents were Master and Ph. D students from the Faculty of Educational Studies in one of the local university which must be at least involved in romantic experiences. They were selected using stratified random sampling. There were 228 female and 132 male respondents. They consisted of 238 Malays, 95 Chinese and 27 Indians. Reliability and content validity of the items and scales of the ECRI were examined through item analyses. The construct validity of the questionnaire was examined through factor analyses and confirmatory factor analyses.

Though adequate score reliabilities were found in the present sample, item analyses showed a lack of content validity on several items. Mixed results were found concerning the construct validity of the questionnaire. Factor analyses showed the existence of two sets of items that partially supported factor structure and the

proposition of two underlying dimensions in attachment as proposed by the questionnaire's developers. However, many items did not load saliently on these two dimensions. The results disconfirm the originally theorized relationships among the factors in the questionnaire with Malaysians. Language difficulties were found to be related to some of the validity problems.

This study contributes significantly to cross-cultural research in adult attachment by being the first of such study conducted in Malaysia. The study shows that the questionnaire is not invariant and is applicable in its present form across cultures. Though the results are significant, the limitations related to the representativeness of the samples and the methodology are factors which have hindered the generalizations of the findings. The hypothesis to see the difference between the attachment styles according to ethnicity and gender was tested using t-test and One-way ANOVA. The findings showed there was significant difference between ethnicity, but no significant difference between gender were found in attachment style. In view of the findings, few implications and recommendations were put forward.

PENGHARGAAN

Penulis ingin merakam setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah membantu menyiapkan disertasi ini, khususnya:

Ahli Jawatankuasa disertasi, Profesor Madya Dr. Sidek Mohd Noah, Dr Halimatun, Profesor Madya Dr Maimunah dan Dr Samsilah Roslan. Saya berterima kasih atas pengaruh positif yang begitu penting dalam ilmu pengetahuan yang diterima. Kepercayaan daripada anda semua telah membantu saya menjadi lebih berkeyakinan pada diri sendiri, berdedikasi dan berdikari.

Abli jawatankuasa penterjemah instrumen iaitu Profesor Madya Dr. Rahil Hj. Mahyuddin, Profesor Madya Dr. Habibah Elias dan Puan Halijah Mohamad dari UPM telah menterjemah instrumen ECRI ke dalam Bahasa Melayu manakala Profesor Madya Dr. Muhamed bin Awang, Dr. Fatimah Yusoff dan Dr. Rozainnee dari UKM juga telah menolong menterjemah semula instrumen yang telah diterjemah ke dalam Bahasa Melayu ke bahasa asal iaitu Bahasa Inggeris.

Dekan Fakulti Pengajian Pendidikan, pensyarah-pensyarah seperti Dr. Bahaman Abu Samah, Dr. Jegak Uli, Dr Azizan, Dr. Inderber Kaur Shamsheer Singh, Encik Yahya B. Othman dan Encik Abdul Rasid Jamian yang mencurahkan bantuan kepada saya. Begitu juga kakitangan daripada pejabat Timbalan Dekan (Penyelidikan dan Siswazah) dan semua pelajar Master dan Ph. D yang terlibat dalam kajian ini kerana pengumpulan data tidak mungkin berjaya tanpa penglibatan anda semua.

Tan Bee Kim dan Dr. Ng Kok Mun yang sentiasa bersedia memberi pertolongan, bimbingan, sokongan, berkongsi kepakaran dan mencurahkan ilmu dalam bidang perapatan dengan penuh dedikasi yang diberikan kepada saya di sepanjang tempoh penyelidikan ini. Saya juga ingin berterima kasih kepada ahli keluarga yang telah banyak berkorban memberikan dorongan dan bantuan dalam pelbagai bentuk. Penulis sangat bersyukur kerana kejayaan ini adalah atas berkat Tuhan Yang Teramat Mulia.

JADUAL KANDUNGAN

	Halaman
ABSTRAK	ii
ABSTRACT	iv
PENGHARGAAN	vi
LEMBARAN PENGESAHAN	vii
PENGAKUAN	xi
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xiv
GLOSARI	xv

BAB

I	PENDAHULUAN	1
	Latar Belakang Kajian	1
	Permasalahan Kajian	4
	Kepentingan Kajian	6
	Teori Perapatan	8
	Teori Pengujian dan Penilaian	9
	Objektif Kajian	10
	Persoalan Kajian	11
	Hipotesis Kajian	12
	Definisi Operasional	12
	Kebolehpercayaan	12
	Kesahan	13
	Perapatan	14
	Keselamatan	15
	Ketakutan	16
	Keasyikan	16
	Penyingkiran	16
	Orang dewasa	16
	Kajian silang-budaya	17
	Andaian Kajian	17

BAB

2	KAJIAN LITERATUR	18
	Pendekatan Teori Perapatan	18
	Tingkah Laku Perapatan	18
	Perhubungan Perapatan	20
	Corak Perapatan	20
	Model Kerja Dalam	22
	Kajian Perapatan Orang Dewasa	24
	Konseptualisasi Perapatan Orang Dewasa	28
	Pengukuran Perapatan Orang Dewasa	29
	Dimensi Perapatan Orang Dewasa	29
	Dimensi	33
	× Kesahan dan Kebolehpercayaan Silang-budaya Perapatan Orang Dewasa	35

Pertimbangan Isu Silang-budaya dan Penilaian Dalam Kajian Perapatan	42
Pertimbangan Silang-budaya	45
Kajian Perbezaan Perapatan Berasaskan Etnik dan Gender	50
Kesimpulan	57

BAB

3	METODOLOGI	59
	Reka Bentuk Kajian	59
	Instrumen Kajian	60
	Inventori Pengalaman Dalam Perhubungan Intim	61
	Prosedur Menterjemah Alat Penyelidikan	63
	Tempat Kajian.	64
	Populasi	65
	Subjek Kajian	66
	Pengiraan Bilangan Sampel Mengikut Formula	67
	Tatacara Kajian	69
	Batasan Kajian	70
	Penganalisan Data Statistik	70
	Penapisan Data	70
	Konsistensi Dalaman	71
	Analisis Item	71
	Bahasa	72
	Analisis Faktor	72
	ANOVA dan Ujian-t	73

BAB

4	KEPUTUSAN KAJIAN	74
	Analisis Data	74
	Penapisan Data	74
	Normaliti	75
	Analisis Item	75
	Konsistensi Dalaman	75
	Korelasi Antara Item Dengan Keseluruhan Item	77
	Interkorelasi Antara Item	77
	Interkorelasi Antara Faktor	78
	Kesukaran Bahasa	78
	Kesukaran Bahasa dan Frasa	79
	Ketidakjelasan Bahasa	79
	Penterjemahan Maksud	80
	Analisis Faktor	81
	Analisis Faktor Penerokaan	82
	Penyelesaian Dua-Faktor	93
	Analisis Faktor Pengesahan	100
	Perbezaan Stail Perapatan Mengikut Etnik Di Kalangan Orang Dewasa.	102
	Perbezaan Stail Perapatan Berdasarkan gender Di Kalangan Orang Dewasa.	104

BAB		
5	PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN	105
	Perbincangan Hasil Kajian	105
	Kesahan dan Kebolehpercayaan Alat Ukuran IPPI	105
	Teknik <i>Back Translation</i> Alat Ukuran IPPI	108
	Perbezaan Stail Perapatan Mengikut Etnik	112
	Perbezaan Stail Perapatan Berdasarkan Gender.	113
	Penilaian Hasil Kajian	115
	Implikasi Kajian	116
	Implikasi Teoritikal	116
	Aplikasi Praktikal	117
	Cadangan-Cadangan	118
	Cadangan Kepada Pihak-Pihak Tertentu	118
	Cadangan Untuk Kajian Lanjutan	119
	Kesimpulan dan Penutup	120
	BIBLIOGRAFI	121
LAMPIRAN		
A	Tinjauan Demografi	131
B	Inventori Pengalaman dalam Perhubungan Intim	133
C	Borang Maklum Balas Kesukaran Bahasa	136
D	<i>Experiences in Close Relationships Inventory</i> .	138
E	Panel Penterjemah	141
F	Jadual Menentukan Saiz Sampel	143
G	Statistik Faktor Perapatan	145
H	Analisis Kebolehpercayaan untuk Inventori Pengalaman dalam Perhubungan Intim	147
I	Interkorelasi Antara Item	149
J	Analisis Faktor Penerokaan: Pembahagian daripada Empat Faktor Pertama pada Item-item IPPI melalui Kaedah Pencabutan dan Putaran	152
K	Penyelesaian Dua-Faktor: Pembahagian daripada Dua Faktor pada Item-item IPPI melalui Kaedah Pencabutan dan Putaran	155
L	Kesahan faktor Penghindaran dan Kebimbangan IPPI.	158
M	Output AMOS untuk Analisis Faktor Pengesahan IPPI	160
	VITA	169

SENARAI JADUAL

Jadual	Halaman
1 Nilai kebolehpercayaan bagi dimensi dalam <i>Experiences in Close Relationships Inventory</i> .	61
1 Cara pemarkahan bagi Inventori Pengalaman dalam Perhubungan Intim	63
3 Bilangan populasi kajian mengikut program pengajian	66
4 Taburan subjek kajian mengikut etnik dan gender	67
5 Kesukaran Bahasa	80
6 Faktor pemuatan, Kommunaliti (h^2), nilai eigen, peratus varians untuk Prinsip Pemfaktoran Paksi dan Putaran kuartimaks pada Item-item IPPI	87
7 Faktor pemuatan, Kommunaliti (h^2), nilai eigen, peratus varians untuk Prinsip Pemfaktoran Paksi dan Putaran kuartimaks pada Item-item IPPI untuk Penyelesaian Dua-Faktor	95
8 Indeks Kebagusan Penyesuaian bagi IPPI.	102
9 Jadual ANOVA bagi stail perapatan orang dewasa mengikut etnik	103
10 Ujian <i>Post Hoc Tukey's</i> bagi stail perapatan orang dewasa mengikut etnik	103
11 Ujian-t bagi stail perapatan orang dewasa berdasarkan gender	104

SENARAI RAJAH

Rajah		Halaman
1	Plot Skri untuk Analisis Faktor Penerokaan	85
2	Plot Faktor untuk Penyelesaian Dua-Faktor	96

GLOSARI

AAI	<i>Adult Attachment Interview</i>
AAS	<i>Adult Attachment Scale</i>
AMOS	<i>Analysis of Moment Structures</i>
AN	Kebimbangan (Anxiety)
ANOVA	Analyses of variance
ASM	<i>Attachment Style Measure</i>
ASQ	<i>Attachment Style Questionnaire</i>
AV	Penghindaran (Avoidance)
BSRI	<i>Bem Sex Role Inventory</i>
CFA	<i>Confirmatory Factor Analysis</i>
CN	Nombor kritikal Hoelter (Hoelter's critical number)
dk	darjah kebebasan
DLS	<i>Desperate Love Scale</i>
ECRI	<i>Experiences in Close Relationships Inventory</i>
EFA	<i>Exploratory Factor Analysis</i>
GFI	Indeks Kebagusan Penyesuaian (Foodness of Fit Index)
IPPA	<i>Inventory Parent and Peer Attachment</i>
IPPI	Inventori Pengalaman dalam Perhubungan Intim
MANOVA	<i>Multivariate analyses of variance</i>
MI	<i>Multi-Item Measure</i>
MM	<i>Mental Model Questionnaire</i>
NGO	<i>Non Government Organization</i>
Ph.D	Doktor Falsafah
R	<i>Reversed-Scoring Item</i>
RCM	<i>Residual correlation matrix</i>
Sig	Signifikan
SMC	<i>Squares multiple correlations</i>
SPSS	<i>Statistical Package for the Social Sciences</i>
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UPM	Universiti Putra Malaysia

BAB I

Pengenalan

Latar Belakang Kajian

Kaunseling merupakan suatu proses perhubungan antara individu yang membantu individu bermasalah ke arah jalan penyelesaiannya. Antara masalah yang selalu dirujuk dalam kaunseling ialah masalah perapatan antara dua individu yang bercinta terutamanya bagi mereka yang mempunyai tingkah laku perapatan yang berbeza. Menurut Mace dan Margison (1997: 210), tingkah laku perapatan merujuk kepada sebarang bentuk tingkah laku yang menghasilkan perapatan dengan seseorang atau mengekalkan keinginan untuk mendekati seseorang yang telah dikenal pasti di mana individu tersebut dianggap berupaya untuk mengendalikan kehidupan sehariannya. Oleh kerana masalah perapatan merupakan satu isu penting yang sering dipertikaikan dalam kaunseling keluarga, maka pasangan romantik diharapkan mempunyai tingkah laku perapatan dan perhubungan perapatan yang sesuai dan baik. Mereka juga perlu sedar tentang model kerja dalaman dan juga peka kepada corak perapatan yang dimiliki sama ada diterima atau tidak berdasarkan budaya masyarakat. Ini kerana perhubungan yang rapat adalah penting untuk menyumbang kepada perhubungan perkahwinan yang sihat dan gembira (Ammons & Stinnett, 1980; Stinnett & DeFrain, 1985).

Menerusi perhubungan romantik orang dewasa, setiap pasangan akan berfungsi sebagai figura perapatan antara satu sama lain dan memberikan sistem perapatan secara dwi arah. Secara idealnya, setiap pasangan dapat mengatasi masalah kebimbangan

dengan bergantung kepada orang lain dan menjadi tempat pergantungan untuk orang lain. Semasa dalam keadaan tertekan, pasangan yang bertindak secara empati dan bebas daripada kedua-dua keadaan tersebut dikenali sebagai perapatan yang kompleks iaitu konsepsi kepada perhubungan perapatan antara pasangan (Fisher & Crandell, 1997 dalam Lewis, 1997).

Walau bagaimanapun, sesetengah individu takut perhubungan yang rapat kerana mereka pernah dcedera, dieksploitasi atau dikecewakan oleh seseorang yang rapat dengan mereka. Misalnya individu yang berpengalaman terhadap perhubungan yang sengsara atau menyedihkan pada zaman kanak-kanak akan menyebabkan mereka mengelakkan diri daripada perhubungan rapat semasa dewasa nanti dengan alasan untuk melindungi diri sendiri (Stennett, Walters & Stinnett, 1991).

Oleh yang demikian, salah satu matlamat kaunseling keluarga adalah untuk menolong individu dalam aspek perhubungan perapatan. Ini termasuklah membantu mereka mengenal pasti jenis model kerja dalaman yang ada pada diri mereka dan seterusnya mencadangkan usaha yang berkaitan dengan isu perapatan serta stail perapatan yang diperlukan.

Skor daripada kajian penyelidikan perapatan telah digeneralisasikan sejak kemunculan teori perapatan Bowlby (1982, 1988) pada akhir tahun 1950an (Bacciagaluppi, 1994). Kajian silang-budaya tentang perapatan kanak-kanak juga turut berkembang (Van IJzendoorn, 1990a). Sejak akhir tahun 1980an, kajian dalam bidang perapatan telah dikembangkan lebih jauh daripada fokus pada peringkat awal iaitu dalam perapatan antara bayi-penjaga kepada perhubungan perapatan di kalangan orang

dewasa (Bartholomew, 1990; Bartholomew & Horowitz, 1991; Hazan & Shaver, 1987; Wilhelm & Parker, 1988). Seterusnya, kajian dalam bidang perapatan orang dewasa dijangka akan terus berkembang.

Pertambahan pesat dalam kajian perapatan orang dewasa telah membawa kepada perkembangan pelbagai alat penilaian yang berasaskan kepada perbezaan teoritikal dan penekanan kepuasan. Untuk mengintegrasikan keputusan empirikal ke dalam bentuk praktiknya kohesif adalah sangat sukar (Feeney, Moller & Hanrahan, 1994). Penelitian tentang peralatan pengukuran memberi kesimpulan bahawa ketidaksesuaian instrumen mengikut konteks sosial budaya yang pelbagai (Garbarino, 1998).

Walau bagaimanapun, kajian dalam perapatan orang dewasa sangat terbatas iaitu lebih kepada konteks Amerika Syarikat dan negara Barat yang lain sahaja (Van IJzendoorn & Bakermans-Kranenburg, 1996). Hanya sedikit sahaja kajian silang-budaya tentang perapatan orang dewasa yang berada dalam konteks bukan negara Barat yang telah dijumpai. Kajian perapatan orang dewasa yang terdapat di timur tengah Asia juga adalah terhad (Sagi *et al.* 1994).

Menurut Maznah dan Kim (1984) dalam Sidek (1998), dalam satu tinjauan mengenai alat-alat pengukuran dalam kaunseling di negara ini mendapati bahawa masalah utama yang dihadapi dan seringkali disuarakan oleh pengguna adalah masalah kekurangan alat-alat ujian atau pengukuran. Masalah kesahan dan kebolehpercayaan alat-alat ukuran tersebut juga wujud kerana alat-alat ukuran yang digunakan di Malaysia pada hari ini untuk tujuan kaunseling hampir kesemuanya berasalkan dari luar

negara khususnya dari negara-negara Barat yang mana ciri-ciri budayanya begitu ketara berbeza dengan ciri-ciri budaya setempat yang terdapat di Malaysia.

Memandangkan begitu banyak budaya yang berbeza di kalangan penduduk Asia terutamanya di Malaysia, maka kajian silang-budaya tentang perapatan orang dewasa dalam negara ini adalah sangat diperlukan. Selain daripada penelitian instrumen yang perlu dibuat secara berhati-hati, kajian yang mengambil kira sudut silang-budaya juga menghendaki instrumen tersebut mengambil kira ciri-ciri psikometrik yang bersesuaian dengan budaya kumpulan kajian tersebut (Fouad & Bracken, 1986). Sehubungan itu, pengesahan terhadap instrumen dari sudut silang budaya sebelum ia digunakan adalah wajib (Geisinger, 1994).

Masalah silang-budaya dalam pengujian dan penilaian seperti yang disarankan oleh (Marsella & Leong, 1995; Hood & Johnson, 1991) meliputi kesukaran mewujudkan kesetaraan silang-budaya, perbezaan respons melalui budaya yang berlainan, komposisi item ujian yang berlainan dan perbezaan sikap melalui budaya yang berlainan terhadap sesuatu pengujian, kesetaraan linguistik, kesetaraan konsep, kesetaraan skala dan kesetaraan normatif yang digunakan dalam alat ukuran hendaklah diatasi sebelum alat itu dapat digunakan. Untuk memastikan alat itu sesuai digunakan, kesahan dan kebolehpercayaan ukuran itu hendaklah dikaji. Oleh itu, kajian untuk menentusahkan kebolegunaan instrumen perapatan terutamanya dalam bidang kaunseling keluarga dalam konteks di Malaysia adalah diperlukan.

Permasalahan Kajian

Pada peringkat awal, kajian tentang perapatan orang dewasa dari sudut silang-budaya hanya terbatas dalam konteks negara Barat sahaja. Dalam kajian tersebut, instrumen *Adult Attachment Interview* (AAI) telah digunakan (Van Ijzendoorn & Bakermans-Kranenburg, 1996). *Adult Attachment Interview* yang diasaskan oleh George, Kaplan, & Main (dalam Main, Kaplan, & Cassidy, 1985) merupakan alat ukur yang berbentuk semi-klinikal di mana ia tertakluk kepada masa dan memerlukan latihan yang mendalam untuk mentadbir instrumen tersebut (Feeney *et al.* 1994). Secara umumnya, didapati bahawa penyelidik-penyelidik lebih suka mengguna alat ukuran laporan-kendiri yang berbentuk pelbagai item selanjur berbanding dengan mengkaji kesahan alat ukuran laporan kendiri dari sudut silang-budaya.

Penggunaan ujian dalam kaunseling psikologi dipersoalkan dari segi kesesuaiannya dalam konteks di mana ujian itu akan digunakan. Masalah ini telah dibincangkan oleh Wan Rafaei (1988) dan Lonner (1980). Lonner (1980) menimbulkan satu persoalan yang serius dalam penggunaan alat ujian dalam kaunseling iaitu sejauhmana alat-alat yang dibentuk di barat dapat mengatasi dengan berkesan jurang perbezaan yang mungkin wujud di antara budaya barat dan budaya ujian itu digunakan. Menurut Lonner gambaran yang diperolehi daripada ujian itu tidaklah berapa lengkap dan perlu dilengkapi dengan cara-cara lain. Gambaran yang tidak lengkap ini akan menjadi semakin kurang lengkap jika masalah-masalah silang-budaya tidak diatasi. Lonner menyenaraikan tujuh perkara penting yang harus diatasi iaitu termasuk gerak balas responden, interpretasi market dan motif mengambil ujian.

Inventori Pengalaman dalam Perhubungan Intim (IPPI) yang dikemukakan oleh Brennan *et al.* (1996) bertujuan untuk mengukur stail perapatan orang dewasa. Kelebihan skala ini ialah ia merupakan terbitan daripada hampir semua laporan sendiri yang mengukur perapatan orang dewasa dan merupakan penentu untuk mengabadikan kepentingan perbezaan individu dalam perapatan romantik orang dewasa.

Selain itu, IPPI juga berdasarkan kepada kumpulan item yang luas malah lebih menyeluruh daripada alat ukuran penyelidik lain yang kebanyakannya diubahsuaikan daripada Hazan dan Shaver (1987). Keputusannya mendapati bahawa kedua-dua dimensi dalam inventori tersebut mempunyai konsistensi dalaman yang tinggi dan lebih baik berbanding skala-skala lain yang dihasilkan sebelum ini serta boleh ditandingi dengan dapatan Simpson (1990), Bartholomew dan Horowitz (1991) dan juga penyelidik yang lain. Tambahan pula, kedua-dua dimensi tersebut bukan saja konsisten dengan empat klasifikasi Bartholomew malah lebih kukuh daripada ukuran laporan-kendiri Bartholomew.

Sehubungan dengan itu, kajian lanjutan perlu dijalankan untuk meneliti semula dapatan Brennan *et al.* (1996) dan seterusnya terhadap utiliti IPPI daripada isu silang-budaya. Lanjutan daripada pernyataan di atas, beberapa persoalan kajian yang dapat dikaji iaitu: adakah instrumen IPPI sesuai digunakan dan diaplikasikan di Malaysia? Adakah skor daripada IPPI mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi? Sebagai tambahan, kajian ini juga mengkaji sama ada skor yang diperolehi daripada IPPI dapat membezakan stail perapatan orang dewasa berdasarkan etnik dan gender.

Kepentingan Kajian

Walaupun terdapat pertumbuhan minat yang sangat pesat terhadap perapatan orang dewasa, tetapi kajian tentang perapatan orang dewasa dari sudut silang-budaya adalah terhad terutamanya dalam konteks budaya Timur. Didapati hanya sedikit sahaja kajian yang berdasarkan konteks bukan negara Barat. Oleh kerana teori perapatan adalah ditujukan kepada budaya sejagat (Bowlby, 1982, 1988; Van Ijzendoorn, 1990a), maka kajian tentang perapatan orang dewasa di dalam konteks bukan Barat adalah diperlukan. Walau bagaimanapun, kajian ini hanya merupakan satu percubaan untuk menyumbang kepada kajian literatur semasa mengenai kesahan dan kebolehpercayaan perapatan orang dewasa dalam konteks Malaysia.

Memandangkan budaya di Asia berbeza dengan budaya Barat, maka wujud keperluan untuk menguji teori perapatan di dalam konteks Asia terutamanya konteks Malaysia. Kajian ini dihasilkan untuk menunjukkan perapatan orang dewasa dalam skala besar dengan menggunakan bangsa Malaysia sebagai sampel kajian. Penyelidik berhasrat untuk mengenal pasti kesesuaian pengukuran perapatan orang dewasa secara silang-budaya supaya kajian selanjutnya di Malaysia boleh dikendalikan berdasarkan alat pengukuran yang mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan secara silang-budaya.

Kajian ini akan melanjutkan pengesahan terhadap utiliti IPPI. Keperluan ini diiktirafkan oleh pengasasnya, Brennan *et al.* (1998). Oleh kerana kajian ini merupakan penyelidikan dalam bentuk skala besar jadi ia akan menolong mengesahkan lagi keputusan kajian-kajian lepas. Sekiranya kajian ini menyokong utiliti instrumen dari segi silang-budaya bagi bangsa Malaysia yang bertutur bahasa Inggeris dan bahasa

Melayu, maka penterjemahan instrumen ke dalam bahasa tempatan patut dijalankan. Dengan ini wujudlah keperluan untuk melanjutkan kajian mengenai utiliti silang-budaya sesuatu instrumen.

Isu psikometrik dari sudut silang-budaya yang timbul daripada kajian ini akan berguna kepada penyelidik yang berminat untuk mengembangkan alat pengukuran yang berasaskan budaya Barat supaya ia juga sesuai digunakan dalam budaya bukan Barat. Kajian ini juga mempunyai potensi untuk menonjolkan kepada penyelidik-penyelidik tentang konteks pelbagai budaya dalam isu yang berkaitan dengan kebolehgunaan alat pengukuran untuk mengukur perapatan orang dewasa bagi responden dari budaya yang berbeza.

Selainnya alat ukuran dalam kajian penyelidik didapati berkesan, ia boleh digunakan oleh pihak kaunselor khususnya yang berurusan secara langsung dengan pasangan seperti Pejabat Guaman serta pihak NGO iaitu Agape, Pejabat Agama, Perpaduan Negara dan sebagainya. Maklumat yang diperolehi dapat digunakan sebagai panduan dalam merangka program-program perkahwinan yang akan membantu proses dalam perhubungan perapatan di kalangan orang dewasa.

Selain itu, maklumat yang diperolehi juga dapat memanfaatkan pasangan romantik sama ada sudah berkahwin atau belum bagi mengenal pasti stail perapatan, model kerja dalaman, perhubungan perapatan dan corak perapatan supaya individu mempunyai kesedaran terhadap perubahan sesetengah tingkah laku akan menghasilkan penyelesaian kepada masalahnya.